

Akta Buruh: Dr. M jelaskan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan, pindaan ke atas Akta Buruh bertujuan melindungi para pekerja dari diperalatkan oleh anasir jahat.

Timbalan Perdana Menteri membayangkan, sekiranya tidak diambil tindakan tersebut, ekonomi negara akan lumpuh dan yang mengakibatkan rakyat tidak dapat pula menikmati faedah pembangunan.

"Kerajaan tidak bertujuan sama sekali mengongkang atau menyekat kegiatan kesatuan sekerja yang sah di sisi undang-undang.

"Tapi, apa yang Kerajaan harapkan, aktiviti-aktiviti mereka selaras dengan kehendak para pekerja dan bukan untuk sesuatu pihak, sama ada golongan politik atau lain-lain," jelasnya.

Demikian Datuk Seri Dr. Mahathir memberi taklimat pada akhbar tempatan mengenai pindaan ke atas Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho dan Timbalannya, Datuk K. Pathmanaban, serta pegawai-pegawai kanan kedua kementerian turut hadir.

Antara pindaan terbesar dalam kedua Akta tersebut ialah:

● **MEMBERI** kuasa penuh kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan Pendaftar Kesatuan Sekerja mengenal perselisihan perindustrian.

● **PENGGANTUNGAN** sesebuah Kesatuan Sekerja selama enam bulan bagi s e b a b - s e b a b keselamatan.

● **PENGHARAMAN** penggunaan tabung kewangan kesatuan bagi tujuan-tujuan politik.

● **PEMBICARAAN** je-

Oleh **HAMID BENDAHARA**
ZAINUDDIN AYIP

nayah ke atas mereka yang mengutarakan atau memberi bantuan kewangan bagi sesuatu pemogokan haram.

● **MENGISYTIHARKAN** tidak sahnya mengundian pemogokan jika ia tidak mengikut sesuatu kehendak.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, Kerajaan menggalakkan pertumbuhan Kesatuan Sekerja yang sihat dan benar-benar memperjuangkan hak serta nasib

para pekerja.

"Kami tidak anti kesatuan atau anti pekerja kerana para pekerja merupakan tulang negara dan perlu diberi perlindungan sewajarnya," tambah beliau.

Kalau ini tidak dilakukan dan para pekerja tidak diwakili oleh Kesatuan, para majikan akan mengambil kesempatan menindas mereka.

Timbalan Perdana

Menteri menyatakan sejak kebelakangan ini sering didengar Kesatuan Kesatuan Sekerja diperalatkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

"Kita tidak mahu pemimpin-pemimpin politik menggunakan Kesatuan untuk kepentingan politik mereka.

"Mungkin para pekerja tidak sedar perkara ini. Tapi, krisis M baru-baru ini boleh jadikan contoh yang jelas," tambahnya.

Kerajaan mahu para pekerja mengetahui hak mereka bekerja tegasnya, dan bukan hak bermogok saja.

Datuk Seri Dr. Mahathir yakin, sekiranya rakyat bekerja kuat, dalam tempoh 10 tahun, ekonomi Malaysia akan tambah kukuh.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia